A

Pendakwa Raya lwn Stevan Raj a/l Elankovan

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO JA-43–5–02 TAHUN 2025, JA-43–6–02 TAHUN 2025 DAN JA-43–7–02 TAHUN 2025
ABU BAKAR KATAR H
27 FEBRUARI 2025

C

Prosedur Jenayah — Semakan jenayah — Semakan sabitan dan hukuman — Tertuduh-tertuduh dituduh bagi kesalahan memiliki senjata berbahaya tanpa kebenaran yang sah di bawah s 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ('Akta 357') — Sama ada pertuduhan cacat kerana tidak memasukkan inti pati kesalahan iaitu 'tempat awam' sebagaimana kehendak peruntukan s 6(1) Akta 357 — Sama ada hakim mahkamah sesyen terkhilaf apabila menjatuhkan hukuman denda bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta 357 — Sama ada terdapat apa-apa kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah menggunakan kuasa semakan — Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 s 6(1) — Kanun Tatacara Jenayah ss 294, 323(1) & 422

D

E

Tertuduh dalam kes semasa ('Kes 184') telah mengaku salah terhadap pertuduhan pindaan bagi kesalahan memiliki senjata berbahaya iaitu sebilah pisau pemotong daging tanpa kebenaran yang sah, suatu kesalahan di bawah s 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ('Akta 357'). Tertuduh kemudiannya telah disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman denda RM2,500 gagal bayar empat bulan penjara. Selain daripada Kes 184, terdapat juga dua lagi kes ('Kes 19' dan 'Kes 20') yang melibatkan kesalahan yang sama dengan Kes 184. Dalam Kes 19, tertuduh dijatuhi hukuman denda RM6,000 gagal bayar enam bulan penjara manakala dalam Kes 20 pula, tertuduh dijatuhi hukuman denda RM6,000 gagal bayar tujuh bulan penjara. Mahkamah Tinggi telah memanggil rekod prosiding bagi ketiga-tiga kes tersebut bagi tujuan semakan di bawah s 323(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Timbalan pendakwa raya telah bersetuju agar Kes 184 di dengar dan keputusannya mengikat Kes 19 dan Kes 20. Timbalan pendakwa raya telah membangkitkan dua isu utama iaitu: (a) pertuduhan pindaan bagi Kes 184 adalah cacat kerana tidak memasukkan inti pati kesalahan iaitu 'tempat awam' sebagaimana kehendak peruntukan s 6(1) Akta 357; dan (b) sama ada hakim mahkamah sesyen ('HMS') terkhilaf apabila menjatuhkan hukuman denda bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta 357. Dalam kes-kes semakan semasa, mahkamah perlu meneliti rekod prosiding bagi menentukan sama ada terdapat apa-apa kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah menggunakan kuasa semakannya.

F

G

H

I

Diputuskan:

(1) Mahkamah mendapati bahawa bagi Kes 184, pertuduhan pindaan tersebut tidak memasukkan perkataan 'tempat awam' iaitu salah satu inti pati kesalahan di bawah s 6(1) Akta 357. Sehubungan itu, ia tidak mencukupi untuk memberi notis kepada tertuduh semasa membuat pengakuan bersalah. Ketinggalan perkataan 'tempat awam' menyebabkan pertuduhan pindaan cacat dan ianya tidak dapat dipulihkan di bawah s 422 KTJ. Mahkamah memutuskan bahawa pertuduhan pindaan tersebut cacat kerana tidak mendedahkan kesalahan di bawah s 6(1) Akta 357. Memandangkan pertuduhan pindaan tersebut cacat, HMS seharusnya menolak pengakuan bersalah tertuduh bagi Kes 184 (lihat perenggan 23, 29 & 31).

(2) Mahkamah mendapati bahawa keputusan bagi kes-kes yang dirujuk oleh timbalan pendakwa raya iaitu kes *Pendakwa Raya lwn Mohd Khairudarwin Niesha bin Mohd Shafee* [2018] MLJU 314 dan kes *Public Prosecutor v Hassan Ali a/l Abdul Razak* [2016] 12 MLJ 283 telah diakaskan oleh Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan dalam kes-kes tersebut dan juga dalam kes *Abdul Halim bin Samsuddin v Public Prosecutor* (Rayuan Jenayah No D-09–112–03 Tahun 2022) (tidak dilaporkan) telah memutuskan bahawa bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta 357, hukuman denda adalah bercanggah dengan undang-undang. Sesuatu yang amat malang apabila HMS tidak menyedari seawal tahun 2017, 2019 dan 2022 Mahkamah Rayuan telah merungkai persoalan hukuman denda. Pepatah Melayu ada mengatakan 'sudah jatuh ditimpa tangga', nasib yang sama menimpa ke atas timbalan pendakwa raya yang terpelajar di mahkamah rendah dan peguam yang terpelajar apabila masih merujuk nas-nas duluan yang telah diakaskan oleh Mahkamah Rayuan (lihat perenggan 39–42).

(3) Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah dengan menggunakan kuasa semakan yang ada memerintahkan: (a) bagi Kes 184 dan Kes 19, sabitan dan denda diakaskan dan kes-kes tersebut diperintahkan untuk dibicarakan semula di hadapan HMS yang lainnya; (b) jaminan RM2,000 dan seorang penjamin dibenarkan bagi setiap kes; (c) tertuduh diarahkan hadir di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru pada 6 Mac 2025 jam 10 pagi; (d) hukuman bagi Kes 20 diketepikan dan mahkamah memerintahkan tertuduh dilepaskan dengan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM5,000 (tanpa cagaran) dan seorang penjamin di bawah s 294 KTJ; dan (e) denda (jika telah di bayar) bagi setiap kes dikembalikan kepada tertuduh dalam masa tiga bulan mulai tarikh penghakiman iaitu 27 Februari 2025 (lihat perenggan 45).

[English summary

The accused in the present case ('Case 184') pleaded guilty to an amended charge of possessing an offensive weapon, namely a butcher knife without a valid permit, an offence under s 6(1) of the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958 ('Act 357'). The accused was subsequently convicted and sentenced to a fine of RM2,500 in default, four months' imprisonment. Apart from Case 184, there were also two other cases ('Case 19' and 'Case 20') involving the same offence as Case 184. In Case 19, the accused was sentenced to a fine of RM6,000 in default, six months' imprisonment while in Case 20, the accused was sentenced to a fine of RM6,000 in default, seven months' imprisonment. The High Court had summoned the records of the proceedings in all three cases for the purpose of revision under s 323(1) of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). The deputy public prosecutor had agreed that Case 184 be heard and its decision would be binding on Case 19 and Case 20. The deputy public prosecutor had raised two main issues, namely: (a) the amended charge for Case 184 was defective because it did not include the ingredient of the offence, namely 'public place' as required by the provisions of s 6(1) of Act 357; and (b) whether the sessions court judge ('the SCJ') erred in imposing a fine for the offence under s 6(1) of Act 357. In the present revisionary cases, the court must examine the record of the proceedings to determine whether there was any defect or irregularity that required the court to exercise its power of revision.

Held:

(1) The court found that for Case 184, the amended charge did not include the word 'public place' which was one of the ingredients of the offence under s 6(1) of Act 357. Accordingly, the said charge was not sufficient to give notice to the accused when entering a guilty plea. The omission of the word 'public place' rendered the amended charge defective and it could not be cured under s 422 of the CPC. The court held that the amended charge was defective for failing to disclose the offence under s 6(1) of Act 357. Since the amended charge was defective, the SCJ should have rejected the guilty plea of the accused in Case 184 (see paras 23, 29 & 31).

(2) The court found that the decisions of the cases referred by the deputy public prosecutor, namely the case of *Pendakwa Raya lwn Mohd Khairudarwin Niesha bin Mohd Shafee* [2018] MLJU 314 and the case of *Public Prosecutor v Hassan Ali a/l Abdul Razak* [2016] 12 MLJ 283, were overturned by the Court of Appeal. The Court of Appeal in those cases and also in the case of *Abdul Halim bin Samsuddin v Public Prosecutor* (Criminal Appeal No D-09–112–03 of 2022) (unreported) had ruled that for offences under s 6(1) of the Act 357, the sentence of fine was contrary to the law. It was very unfortunate that the SCJ was not aware as

early as 2017, 2019 and 2022 that the Court of Appeal had addressed the issue of fines. There was a Malay proverb that said 'sudah jatuh ditimpa tangga', the same fate befell the learned deputy public prosecutors in lower courts and learned counsels when they still referred to precedents that had been overturned by the Court of Appeal (see paras 39–42).

(3) Based on the above reasons, the court, in exercise of its revisionary powers, ordered: (a) for Case 184 and Case 19, the conviction and fine were set aside and the cases were ordered to be retried before another SCJ; (b) bail of RM2,000 with one surety was allowed for each case; (c) the accused was directed to appear at the Sessions Court, Johor Bahru on 6 March 2025 at 10am; (d) the sentence for Case 20 was set aside and the court ordered the accused to be released on a good behaviour bond for three years with a bail of RM5,000 (without security) and one surety under s 294 of the CPC; and (e) the fine (if paid) for each case was returned to the accused within three months from the date of judgment, which was 27 February 2025 (see para 45).]

Kes-Kes yang dirujuk

Abdul Halim bin Samsuddin v PP (Rayuan Jenayah No D-09–112–03 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), MR (dirujuk)
Douglas ak Mindod v PP [2019] 7 MLJ 539; [2018] CLJU 798, MT (dirujuk)
Lee Choo Lai & 5 Ors v PP [2000] MLJU 223; [2000] 6 CLJ 253, MT (diikut)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35, MA (diikut)
Lim Beh & Ors v Opium Farmer (1842) 3 Ky 110, MT (diikut)
Mathivanan Mahathevan v PP [2017] MLRHU 1012, MT (diikut)
Mohd Faisa bin Ismail v PP [2021] 10 MLJ 458; [2021] 6 CLJ 380, MT (diikut)
Muhammad Alif Hayyun bin Che Asdi v PP [2024] MLJU 1384; [2024] CLJU 1332, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Mohd Khairudarwin Niesha bin Mohd Shafee [2018] MLJU 314, MT (dirujuk)
PP v Faizul Abdullah [2018] CLJU 889, MT (dirujuk)
PP v Ginder Singh [1948] MLJ 194b (dibeza)
PP v Hassan Ali a/l Abdul Razak [2016] 12 MLJ 283, MT (dirujuk)
PP v Margarita B Cruz [1988] 1 MLJ 539; [1987] 1 LNS 129 (dirujuk)
Setiakon Engineering Sdn Bhd v Mak Yan Tai & Anor [2024] 5 MLJ 460; [2024] 8 CLJ 190, MP (diikut)
Wong Ah Kee v PP [1948–1949] supp MLJ 23 (dibeza)
Zahili bin Mohamed lwn Pendakwa Raya [2020] MLJU 2541; [2020] CLJU 2332, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ss 6(1) , 7
Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2014
Akta Rumah Judi Terbuka 1953 s 7(1), (2)
Kanun Tatacara Jenayah ss 294, 323(1), 422

Chuah Shyue Chien (Arissa Tan, Chien & Co) (Naufal Fahmi Syufri) bagi pihak tertuduh.
Muhammad Syafiq bin Mohd Ghazali (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Stevan Raj a/l Elankovan (tertuduh) telah di tuduh atas kesalahan memiliki senjata berbahaya iaitu sebilah pisau pemotong daging (berukuran panjang 29cm termasuk hulu) tanpa kebenaran yang sah iaitu suatu kesalahan di bawah s 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ('Akta itu') (Kes Tangkap No JA-62–184–12 Tahun 2024) ('Kes 184').

[2] Tertuduh pada 31 Disember 2024 telah mengaku bersalah di hadapan Puan hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor Darul Takzim (Puan HMS itu) atas pertuduhan pindaan (lampiran A) yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25.11.2024 jam lebih kurang 6.15 petang bertempat di hadapan kedai De Dobi, Jalan Nusaria 4/6, Taman Nusantara, 81550 Gelang Patah, dalam Iskandar Puteri, dalam Negeri Johor telah didapati memiliki senjata berbahaya iaitu sebilah pisau pemotong daging, berukuran panjang 29cm termasuk hulu tanpa kebenaran yang sah, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh di hukum di bawah s 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

[3] Puan HMS itu telah merekodkan tertuduh bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pindaan (lampiran A). Puan HMS itu setelah mendengar mitigasi peringanan hukuman dan hujahan TPR yang terpelajar berkaitan hukuman telah menjatuhi hukuman denda RM2,500 gagal bayar empat bulan penjara.

[4] Sebelum pendengaran semakan ini bermula, TPR terpelajar telah menzahirkan persetujuannya agar Kes 184 di dengar dan keputusannya mengikat dua kes semakan yang lainnya iaitu JA-43–6–2 Tahun 2025

(Kes Tangkap No: JA-62–19–01 Tahun 2023) ('Kes 19') dan JA-43–7–2 Tahun 2025 (Kes Tangkap No: JA-62–20–01 Tahun 2025) ('Kes 20').

[5] Kes 19 dan Kes 20 melibatkan kesalahan yang sama sebagaimana Kes 184. Dalam Kes 19, *tertuduh dijatuhi hukuman denda RM6,000 gagal bayar enam bulan penjara.* Manakala bagi Kes 20, *tertuduh dijatuhi hukuman denda RM6,000 gagal bayar tujuh bulan penjara.*

[6] Mahkamah ini memanggil rekod prosiding bagi Kes 184, Kes 19 dan Kes 20 untuk tujuan semakan di bawah s 323(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

LATAR PENTAS KES

[7] Secara ringkasnya fakta bagi Kes 184 seperti berikut: pada 25 Disember 2024 jam lebih kurang enam petang, Monisah a/p Mahindran ('pengadu') menyatakan tunangnya iaitu tertuduh telah datang ke kedai De Dobi dalam keadaan mabuk. Menurut pengadu, tertuduh telah mengambil sebilah pisau pemotong daging (P9) dari bakul motorsikal miliknya. Lantas tertuduh menghalakan pisau tersebut ke arah pengadu.

[8] Pengadu kemudiannya telah melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis. Pengadu telah membuat laporan polis sebagaimana Gelang Patah Report No 010451/2024 (P2).

[9] Pada hari yang sama jam lebih kurang 6.15 petang, Koperal Mohd Nazril bin Hj Abdul Razak, Balai Polis Gelang Patah bersama anggota pasukan sedang melakukan tugas rondaan cegah jenayah di kawasan sekitar Gelang Patah. Koperal Mohd Nazril menerima panggilan dari kaunter Balai Polis Gelang Patah bersama anggotanya bergegas ke tempat kejadian.

[10] Koperal Mohd Nazril mendapati seorang lelaki India iaitu tertuduh sedang memegang pisau pemotong daging sepertimana yang diadukan oleh pengadu. Kemudiannya Koperal Mohd Nazril dan anggotanya berjaya menangkap tertuduh.

[11] Selanjutnya anggota yang bersama Koperal Mohd Nazril berjaya merampas sebilah pisau yang menjadi teras pertuduhan pindaan (lampiran A).

[12] Koperal Mohd Nazril kemudiannya telah membuat laporan polis berkaitan tangkapan tertuduh sebagaimana Gelang Patah Report No 010448/2024 (P2).

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH

[13] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah diperturunkan peruntukan s 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[14] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[15] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor*, mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya.

[16] Timbalan pendakwa raya ('TPR') yang terpelajar sebagaimana lazimnya menumpukan hujahannya kepada dua isu utama iaitu:

(a) pertuduhan pindaan (lampiran A) bagi Kes 187 cacat kerana tidak memasukkan inti pati kesalahan iaitu 'tempat awam' sebagaimana kehendak peruntukan s 6(1) Akta itu; dan

(b) sama ada Puan HMS itu terkhilaf apabila menjatuhi hukuman denda bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu.

Bagi isu (a)

[17] TPR yang terpelajar menghujahkan pertuduhan pindaan (lampiran A) bagi Kes 187 cacat kerana tidak memasukkan perkataan 'tempat awam' merupakan salah satu inti pati bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu. Badan Parlimen membezakan kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu dengan kesalahan di

bawah s 7 Akta itu. Peruntukan s 6(1) Akta itu berkaitan pemilikan senjata berbahaya di 'tempat awam'. Sebaliknya, s 7 Akta itu menumpukan kepada kesalahan memiliki senjata berjadual tanpa menyatakan secara khusus kepada 'tempat awam' atau sebaliknya.

[18] Sebelum mahkamah ini menyentuh dengan lebih lanjut isu (a) ini, eloklah diperturunkan peruntukan s 6(1) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Any person who in *any public road or place* carries or has in his possession or under his control any offensive weapon otherwise than with lawful authority or for a lawful purpose shall be guilty of an offence and on conviction be liable to imprisonment for a term of not less than five years and not more than ten years, and to whipping.

[19] Mahkamah ini merujuk kes *Mohd Faisa bin Ismail v Public Prosecutor* [2021] 10 MLJ 458; [2021] 6 CLJ 380, di mana YA Amirudin Abd Rahman PK ada mengariskan inti pati-inti pati bagi pertuduhan di bawah s 6(1) Akta itu sebagaimana berikut:

> [17] The charges preferred by the prosecution against the appellant was that of being in possession of a knife measuring 17cm in a public place: The elements that must be proven for a charge pertaining to s 6(1) of the Act 357 are:
>
> (i) the weapon is an offensive weapon by virtue of s 2 of the Act 357;
>
> (ii) the accused had in his possession or under his control the offensive weapon; and
>
> (iii) the possession or control of the offensive weapon is at a public road or public place.

[20] Jika diamati inti pati-inti pati yang digariskan dalam kes *Mohd Faisa Ismail*, salah satu inti pati ialah pemilikan senjata berbahaya di 'tempat awam'. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar iaitu pertuduhan pindaan (lampiran A) bagi Kes 184 cacat kerana tidak memasukkan perkataan 'tempat awam'.

[21] Sebelum mahkamah ini menyentuh dengan lebih lanjut, mahkamah ini berpendapat eloklah di rujuk nas-nas duluan yang menyentuh tujuan pertuduhan. Mahkamah ini merujuk kes *Lim Beh & Ors v Opium Farmer* (1842) 3 Ky 110 ada menyentuh tujuan sesuatu pertuduhan seperti berikut:

> If there be one principle of criminal law and justice clearer and more obvious than all others, it is that the offence imputed must be positively and precisely stated, *so that the accused may certainly know with what he is charged and may be prepared to answer the charge the best way*.

[22] Selanjutnya mahkamah ini merujuk kes *Mathivanan Mahathevan v Public Prosecutor* [2017] MLRHU 1012 di mana YA Vazeer Alam Mydin Meera H (pada ketika itu) ada memberi penekanan kepada pentingnya merangka sesuatu pertuduhan. YA dalam penghakimannya menyatakan:

> [17] The importance of properly framing the charge cannot be understated. Section 152(1) of the CPC requires every charge to clearly state the offence with which the accused is charged. There is a specific duty imposed on the prosecution to frame the charge with sufficient particulars so that the accused is given adequate notice. See: *Public Prosecutor v Raymond Chia Kim Chwee & Anor; Zainal bin Hj Ali v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 436; [1985] 2 CLJ 457; [1985] CLJ Rep 260 (SC); *Public Prosecutor v Chung Tshun Tin & Ors* [2008] 1 MLJ 559; [2007] 10 CLJ 527.

[23] Berpandukan prinsip-prinsip yang digariskan dalam kes *Lim Beh & Ors* dan *Mathivanan Mahathevan*, mahkamah ini berpendapat bagi Kes 184, pertuduhan pindaan (lampiran A) tidak memasukkan perkataan 'tempat awam' iaitu salah satu inti pati kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu. Sehubungan itu, ia tidak mencukupi untuk memberi notis kepada tertuduh semasa membuat pengakuan bersalah. Ketinggalan perkataan 'tempat awam' menyebabkan pertuduhan pindaan (lampiran A) cacat dan ianya tidak dapat dipulihkan di bawah s 422 KTJ.

[24] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar iaitu badan Parlimen semasa mengubal kesalahan s 6(1) Akta itu secara jelas menyatakan memiliki senjata berbahaya di 'jalan awam' atau 'tempat awam' tanpa kebenaran atau tujuan yang sah merupakan satu kesalahan. Sebaliknya bagi kesalahan di bawah s 7 Akta itu, badan Parlimen tidak menyatakan tempat secara khas tetapi mengkhususkan kepada memiliki senjata berjadual.

[25] Sebagai panduan, mahkamah ini merujuk beberapa nas-nas duluan yang berkaitan kesalahan s 6(1) Akta itu dan bagaimana pertuduhan di rangka oleh pendakwaan ada memasukkan perkataan 'tempat awam':

(i) *Mohd Faisa Ismail*:

> Bahawa kamu pada 02 hb April 2019 jam lebih kurang 11.30 pagi, di alamat belakang rumah No 120, Jalan Bagan Lalang 1, Taman Bagan Lalang, Butterworth, di dalam Daerah Seberang Perai Utara, di dalam negeri Pulau Pinang, telah didapati memiliki senjata berbahaya di tempat awam iaitu satu bilah pisau berukuran lebih kurang 17 cm, tanpa kebenaran yang sah, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 6(1) Akta Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

(ii) *Muhammad Alif Hayyun bin Che Asdi v Public Prosecutor* [2024] MLJU 1384; [2024] CLJU 1332:

> Bahawa kamu di antara 11.11.2020 jam lebih kurang 11.45 malam di dalam

sebuah kereta Honda CRV No. Plat: DDD 5658 di hadapan sebuah kedai makan Warung Che Som, Kampung Banggol Kulim, dalam Daerah Pasir Mas, di dalam Negeri Kelantan didapati ada dalam milikan kamu senjata berbahaya *di tempat awam* iaitu sebatang ekor pari berukuran lebih kurang 104 cm tanpa maksud yang sah. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh di hukum di bawah *s 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan Senjata Berbahaya 1958* dibaca bersama *seksyen 34 Kanun Keseksaan.*

(iii) *Zahili bin Mohamed lwn Pendakwa Raya* [2020] MLJU 2541; [2020] CLJU 2332:

Bahawa kamu pada 6.4.2018 jam lebih kurang 7.45 petang di tepi jalan Kg Kweng Hitam, dalam daerah Machang, dalam negeri Kelantan telah didapati dalam milik kamu sebilah pisau bersarung salotape plastik dan berhulu kayu *di tempat awam* tanpa kebenaran yang sah. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh di hukum di bawah *seksyen 6(1) Akta Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958*.

(iv) *Douglas ak Mindod v Public Prosecutor* [2019] 7 MLJ 539; [2018] CLJU 798:

That you, on 21st October 2015 at about 8.30 p.m., in the vicinity of Public Food Court eatery at Desa Wira, Jalan Batu Kawa, in the District of Kuching, in the State of Sarawak, had in your possession *in public place* an offensive weapon as 'offensive weapon' is defined in Section 2 of the Corrosive and Explosive Substantives and Offensive Weapons Act 1958, to wit, a parang, otherwise than with lawful authority or for a lawful purpose and you had thereby committed an offence punishable under Section 6(1) of the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958.

[26] Mahkamah ini merujuk contoh pertuduhan yang dinyatakan di (i) hingga (iv) di atas secara jelasnya memasukkan perkataan 'tempat awam' bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu.

[27] Secara analogi, mahkamah ini merujuk kes *Lee Choo Lai & 5 Ors v Public Prosecutor* [2000] MLJU 223; [2000] 6 CLJ 253 ada merungkai pertuduhan membabitkan kesalahan s 7(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 1953) di mana pertuduhan tidak memasukkan 'tempat awam':

Bahawa kamu bersama-sama pada 31.10.99 lebih kurang 1640 hrs di Restoran How Kee, Lot 10 Sungai Jan, Jerantut, di dalam Daerah Jerantut dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah didapati bermain judi, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289).

[28] YA Nik Hashim H (pada ketika itu) ada menzahirkan pentingnya menyatakan 'tempat awam' dalam pertuduhan bagi kesalahan di bawah s 7(2)

Akta 1953. Beliau dalam penghakimannya menyatakan:

> In my view, the words 'di tempat awam' are material part of the charge. Without mentioning the words 'di tempat awam' after the words 'bermain judi' the charge cannot stand as gaming under s 7(2) of the Act is not an offence unless it is played in a public place. Morever, there is no evidence from the facts tendered by the prosecution to show that the 'restoran' is a place to which the public had access. In the absence of such proof the court cannot presume the 'restoran' as a public place. Thus, the charge is defective.

[29] Mahkamah ini bersetuju dengan penghakiman YA Nik Hashim H dan menerima pakai bagi maksud isu di (a). Pertuduhan pindaan (lampiran A) tidak memasukkan perkataan 'tempat awam' dan berpandukan prinsip yang diputuskan dalam kes *Lee Choo Lai & Ors*, mahkamah ini memutuskan pertuduhan pindaan (lampiran A) cacat kerana tidak mendedahkan kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu.

[30] Mahkamah ini merujuk kes *Mathivanan Mahathevan*, di mana YA hakim dalam penghakimannya menyatakan:

> [21] In applying the legal principles in these case authorities to the facts of the instant case, I find that the amended charge does not disclose an offence under s 4 of the Act as the essential elements of the offence are not disclosed and therefore the charge is a nullity. *Thus, there cannot be a plea of guilty to a charge that is so fundamentally defective. A plea of guilty to an unknown offence is no plea at all. See the cases of Khor Swee Kim v Public Prosecutor* [1953] 1 MLJ 117; [1953] CLJU 37; [1953] 1 LNS 37 *and Maung Min Aung & Anor v Public Prosecutor* [2001] 5 MLJ 140; [2001] 5 CLJ 160.

[31] Mahkamah ini berpendapat sebaik pertuduhan pindaan (lampiran A) cacat, pengakuan bersalah tertuduh bagi Kes 187 seharusnya Puan HMS itu tidak menerimanya dan ditolak.

[32] Peguam yang mewakili Kamarul Azmir bin Abd Aziz (Kes 19) dan (Kes 20) menghujahkan walaupun pertuduhan tidak menyatakan 'tempat awam' ia tidak mencacatkan kes. Ketinggalan ini dapat dipulihkan di bawah s 422 KTJ. Beliau bersandarkan kes-kes *Wong Ah Kee v Public Prosecutor* [1948–1949] supp MLJ 23 dan *Public Prosecutor v Ginder Singh* [1948] MLJ 194b bagi menyokong hujahannya. Mahkamah ini berpendapat kes *Wong Ah Kee* dan *Ginder Singh & Chet Singh* ia melibatkan kesalahan yang lain dan fakta kesnya berbeza dengan kes semasa. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam bagi Kes 19 dan Kes 20 ketinggalan perkataan 'tempat awam' boleh dipulihkan mengikut peruntukan s 422 KTJ. Sebelum mahkamah ini beralih kepada isu (b), eloklah di rujuk kes *Public Prosecutor v Margarita B Cruz* [1988] 1 MLJ 539; [1987] 1 LNS 129 di mana YA KC Vohrah H (pada ketika itu) ada menitipkan nasihat yang amat berharga perlunya meneliti setiap

pertuduhan. Beliau dalam penghakimannya meninggalkan kata-kata keramat yang masih segar seperti berikut:

> I do not know if she had a sight of the provision of the statute under which the respondent was charged. I have time and again exhorted DPPs and magistrates to read the provision in the Act which creates the offence especially in regard to unfamiliar charges, and to scrutinise the charge with which the accused is charged. This charge under the Passport Act is not the sort of charge that comes up often and it is with precisely this sort of charge that the magistrate should have called for the statute from the prosecuting officer or from the library to check the provision under which the charge was made. *If the law is not read, how would the magistrate then be able to find out the essential ingredients which constitute the charge? And if a magistrate does not know what the ingredients of the charge are, how is he or she able to explain the charge to the accused? It behoves all magistrates and presidents to scrutinise the charges, to read the provision of the statute under which the charge is framed, to understand the constituent ingredients of the charge, to know the nature of the punishment and appreciate the gravity of the charge. If the charge is defective or badly framed, the magistrate should point out the defects and request the prosecuting officer to amend the charge as the accused should truly understand the nature of the charge he is asked to plead to* (see *Lim Beh & Ors v Opium Farmer* (1842) 3 Ky 110; *Jagar Singh v Public Prosecutor* [1936] 1 MLJ 92).

Bagi isu (b)

[33] Secara ringkasnya TPR yang terpelajar menghujahkan bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu, badan Parlimen ketika meminda hukuman s 6(1) Akta itu melalui Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2014 (Akta A 1463) telah memperuntukan hukuman penjara minima lima tahun dan maksima penjara sepuluh tahun dan boleh juga sebatan rotan.

[34] TPR yang terpelajar menghujahkan Puan HMS yang terpelajar telah terkhilaf apabila merujuk kes Mahkamah Tinggi Seremban iaitu *Pendakwa Raya lwn Mohd Khairudarwin Niesha bin Mohd Shafee* [2018] MLJU 314 apabila bagi kesalahan s 6(1) Akta itu menjatuhi hukuman denda RM6,000 jika gagal bayar enam bulan penjara. TPR yang terpelajar merujuk kes *Public Prosecutor v Hassan Ali a/l Abdul Razak* [2016] 12 MLJ 283 di mana hakim mahkamah sesyen menjatuhi hukuman denda RM5,000 jika ingkar bayar dua bulan penjara. Pendakwaaan yang terkilan dengan hukuman tersebut merayu ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan mengenakan hukuman tambahan penjara satu tahun. Pendakwaan yang terkilan dengan hukuman Mahkamah Tinggi telah merayu ke Mahkamah Rayuan (Rayuan Jenayah No B-09(H)-302–08 Tahun 2016). Mahkamah Rayuan telah memutuskan perkataan 'be liable' tetapi tertakluk kepada hukuman minima penjara lima tahun atau tidak melebihi sepuluh tahun penjara dan boleh juga rotan. Mahkamah Rayuan berpandangan perkataan 'be liable' membawa maksud mempunyai pilihan

berbanding perkataan 'shall be punished' membawa maksud mandatori (rujuk kes *Tan Chew Man* dan *Jayanathan*). Walaupun begitu, jika Mahkamah Tinggi bercadang untuk mengenakan hukuman penjara, ada pilihan untuk menjatuhi hukuman minima penjara lima tahun.

[35] Peguam yang terpelajar bagi Kes 19 dan Kes 20 menghujahkan, perkataan 'shall be liable' di bawah peruntukan s 6(1) Akta itu memberi kuasa pilihan. Beliau menghujahkan berdasarkan mitigasi peringanan hukuman, memohon tertuduh dilepaskan dengan bon jaminan di bawah s 294 KTJ.

[36] Mahkamah ini berkesempatan meneliti nota keterangan dalam CMS bagi Kes 184. Sebaik tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah s 6(1) Akta itu, sebagaimana lazimnya fakta kes dan ekshibit yang berkaitan telah dikemukakan oleh pendakwaan. Puan HMS itu telah merekodkan tertuduh bersalah. tertuduh telah mengemukakan mitigasi peringanan hukuman. TPR telah memohon hukuman yang sewajarnya. TPR yang terpelajar semasa berhujah tentang pemberatan hukuman telah menarik perhatian Puan HMS itu kepada keputusan Mahkamah Tinggi, Seremban iaitu kes *Mohd Khairuldarwin Niesha bin Shafee*. Mahkamah ini merujuk nota keterangan ada mencatatkan seperti berikut:

> TPR-Mohon hukuman setimpal dan wajar atas kesalahan. Kesalahan pertama OKT, rujuk kes *Pendakwa Raya lwn Mohd Khairudarwin Niesha bin Mohd Shafee* [2018] MLJU 314 MT telah nyatakan satu hukuman denda boleh diberikan di bawah s 6(1) ABKLSB berdasarkan interpretasi undang-undang. Mohon hukuman berbentuk pencegahan agar OKT tidak lakukan kesalahan sama dan cederakan mana-mana pihak.

[37] Mahkamah ini ingin mengingatkan kepada pihak-pihak yang berhujah di hadapan mahkamah agar lebih berhati-hati dan cermat apabila merujuk sesuatu nas duluan bagi menyokong penegasannya atas sesuatu prinsip/isu undang-undang. Mahkamah ini berpendapat penghakiman ini tidak sempurna tanpa merujuk ingatan ikhlas yang dititipkan oleh YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak (HBSS) dalam kes *Setiakon Engineering Sdn Bhd v Mak Yan Tai & Anor* [2024] 5 MLJ 460; [2024] 8 CLJ 190 seperti berikut:

> [54] Without imputing any element of dishonesty on anyone and certainly not on learned counsel for the appellant, whom I consider to be an advocate of unquestionable integrity, *I am taking the liberty to remind lawyers to make sure that the cases that they cite in support of their arguments are not cases that have been overruled and which no longer represent the law or worse unfavourable to them. A serious miscarriage of justice may potentially be occasioned if the court were to unwittingly rely on the overruled cases in arriving at its decision on crucial aspects of the case. While it is true that the court must be vigilant, it is not expected to know every case that has been overruled.*

[38] Berbalik bagi kes semakan sekarang, dalam Kes 184, TPR yang terpelajar telah bergantung kepada kes *Mohd Khairuldarwin Niesha bin Shafee* yang memutuskan bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu, mahkamah boleh memilih hukuman denda.

[39] Mahkamah ini berpendapat mengambil kira nasihat yang disarankan dalam kes *Setiakon Engineering Sdn Bhd*, semasa TPR yang terpelajar merujuk kes *Mohd Khairuldarwin Niesha bin Shafee*, mungkin beliau tidak menyedari keputusan kes ini telah diakaskan oleh Mahkamah Rayuan. Dalam kes Mahkamah Rayuan, Rayuan Jenayah No: N-09(H)-484–11 Tahun 2017, Koram: Umi Kalthum bt Abdul Majid HMR, Harminder Singh Dhaliwal HMR dan Stephen Chung Hian Guan HMR pada 19 Februari 2019 memerintahkan 'Perintah Mahkamah Tinggi yang mengekalkan hukuman denda RM6,000.00 jika gagal bayar 6 bulan penjara yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen diketepikan dan ...'.

[40] Mahkamah ini berkesempatan untuk merujuk nota keterangan dalam CMS bagi Kes 19, peguam yang mewakili tertuduh (Kamarul Azmir bin Abdul Aziz) merujuk Kes *Hassan Ali a/l Abdul Razak*, keadaan yang sama berlaku apabila merujuk keputusan Mahkamah Tinggi, Shah Alam mengesahkan hukuman denda RM5,000 jika ingkar bayar dua bulan penjara. Sebagaimana yang dihujahkan oleh TPR yang terpelajar semasa pendengaran semakan ini, kes *Hassan Ali a/l Abdul Razak* telah pun diakaskan oleh Mahkamah Rayuan pada *14 April 2017*. Koram yang dianggotai oleh YA Dato' Zawawi Salleh HMR (pada ketika itu), YA Dato' Seri Zakaria Sam HMR dan YA Dato' Kamardin Hashim HMR. Mahkamah Rayuan semasa menyampaikan keputusannya menyatakan:

> *We find merits in this appeal, we agree that the sentence was illegal and set aside the decision of the High Court. However, we also find in the circumstances of this case, it justifies for a bond of good behavior under s 294 of the CPC and order so accordingly; two years bond with one surety of RM2000.*

[41] Mahkamah ini berkesempatan merujuk kes Mahkamah Rayuan, *Abdul Halim bin Samsuddin v Public Prosecutor* (Rayuan Jenayah No D-09–112–03 Tahun 2022) (tidak dilaporkan), Koram: YA Datuk Seri Kamaludin bin Md Said HMR, YA Dato' Nordin bin Hassan HMR (pada ketika itu) dan YA Dato' Hashim bin Hamzah HMR pada *7 Oktober 2022* mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi iaitu bagi kesalahan s 6(1) Akta itu hukuman penjara minima lima tahun dan satu sebatan rotan. Mahkamah Rayuan menyampaikan keputusannya seperti berikut:

> Ini ialah keputusan sebulat suara kami, kami mendapati pengakuan salah di buat kami mendapati sabitan adalah selamat. Rayuan terhadap hukuman, kami mendapati hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen ialah hukuman minima, tiada kekhilafan dilakukan oleh mahkamah sesyen. Rayuan perayu

terhadap hukuman juga di tolak. Sabitan dan hukuman dijatuhkan oleh mahkamah sesyen iaitu, lima tahun penjara dan sekali kali sebatan yang disahkan oleh Mahkamah Tinggi adalah dikekalkan. Rayuan perayu ditolak.

[42] Mahkamah ini merujuk nas-nas duluan khasnya keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Hassan Ali a/l Abdul Razak* [2017]; *Khairuldarwin Niesha bin Shafee* [2019]; dan *Abdul Halim bin Samsuddin* [2022] memutuskan bagi kesalahan di bawah s 6(1) Akta itu hukuman denda bercanggah dengan undang-undang. Sesuatu yang amat malang apabila Puan HMS itu tidak menyedari seawal tahun 2017, 2019 dan 2022 Mahkamah Rayuan telah merungkai persoalan hukuman denda. Pepatah Melayu ada mengatakan 'sudah jatuh ditimpa tangga', nasib yang sama menimpa ke atas TPR yang terpelajar di mahkamah rendah dan peguam yang terpelajar apabila masih merujuk nas-nas duluan yang telah diakaskan oleh Mahkamah Rayuan.

[43] Mahkamah ini pada akhirnya berpeluang merujuk kes *Public Prosecutor v Faizul Abdullah* [2018] CLJU 889 di mana YA Ahmad Shahrir Mohd Salleh PK (pada ketika itu) ada menyentuh hukuman denda bagi kesalahan s 6(1) Akta itu. YA dalam penghakimannya menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [24] Turning back to the present appeal, I am mindful that the words 'shall be liable', on their own, do not connote a mandatory meaning compared with the words 'shall be punished'. However, since the words 'shall be liable' in s 6(1) of the Act refers to a range of minimum and maximum term of imprisonment as well as a sentence of whipping, I am of the considered view that the discretion denoted by the words 'shall be liable' appearing in s 6(1) of the Act refers to the discretion to impose a sentence of imprisonment and the discretion to impose a sentence of whipping. If a sentence of imprisonment is imposed, the term of imprisonment must not be lesser or longer than that as provided for. The court is also given the discretion to impose a sentence of whipping under s 6(1) of the Act. I am fortified in my view by the presence of the comma as a punctuation appearing immediately after the words '... and not more than ten years' and the conjunction 'and' appearing immediately after that comma in s 6(1) of the Act. I am of the considered view that it would be a mockery and an averse to interpretation of the law if it is said that a sentence other than that which is provided for under the law for may be imposed'.

[44] YA selanjutnya berpandangan hukuman denda tidak diperuntukan oleh badan Parlimen bagi kesalahan dibawah s 6(1) Akta itu. Beliau dalam nada yang berhemah menyatakan:

> [25] In the circumstances, it is evidently clear that a sentence of fine as imposed by the learned sessions court judge in the present appeal is not provided for under s 6(1) of the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958. In other words, it is not a 'sentence according to the law' as envisaged by s 173(b) of the Criminal Procedure Code. Reading the grounds of the learned sessions court judge in imposing the sentence of fine against the accused as she did, with respect,

I am of the considered view that the learned sessions court judge appears to have misconstrued the meaning of the words 'shall be liable' in s 6(1) of the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958 and as such, the sentence of fine must be set aside.

KESIMPULAN

[45] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini mengunakan kuasa semakan yang ada seterusnya memerintahkan:

(a) bagi Kes 184 dan Kes 19, sabitan dan denda diakaskan. Kes diperintahkan dibicarakan semula di hadapan Puan HMS yang lainnya;

(b) bagi setiap kes dibenarkan jaminan RM2,000 dan seorang penjamin;

(c) tertuduh diarahkan hadir di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru pada 6 Mac 2025 jam 10 pagi;

(d) bagi Kes 20, hukuman denda RM6,000 jika ingkar tujuh bulan di ketepikan. Mahkamah ini memerintahkan tertuduh dilepaskan dengan bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan jaminan RM5,000 (tanpa cagaran) dan seorang penjamin di bawah s 294 KTJ; dan

(e) denda (jika telah di bayar) bagi setiap kes dikembalikan kepada tertuduh dalam masa tiga bulan mulai tarikh hari ini (27 Februari 2025).

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar